



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Drug Control Authority  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

No.Ruj.Kami: ( 30 )dlm.BPFKJ 02/5/1-3

Tarikh: 20. 07. 04

Kepada semua pemegang pendaftaran dan persatuan yang berkenaan

Tuan/puan,

**PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PRODUK BARU  
DAN PENDAFTARAN SEMULA SECARA "ONLINE"**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sila ambil maklum bahawa keputusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk permohonan pendaftaran baru dan juga pendaftaran semula yang dikemukakan secara "online", sama ada notis kelulusan atau pun penolakan, akan diberitahu melalui e-mail. Oleh demikian, sila pastikan bahawa :

- tuan/puan menyemak e-mail yang telah didaftarkan untuk Quest 2;
- pastikan e-mail tersebut boleh menerima format HTML.

3. No Pendaftaran bagi produk baru yang diluluskan secara "online" akan diberi sistem penomboran baru, umpamanya MALxyyzzzzA, di mana

xx adalah tahun ( contoh: 04 untuk tahun 2004);  
yy adalah bulan ( contoh: 06 untuk bulan Jun); dan  
zzzz adalah nombor turutan (contoh: 1234)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNUTK NEGARA"  
"UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN"  
Saya yang menurut perintah,

(EISAH BT. A. RAHMAN)  
Setiausaha  
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Kementerian Kesihatan Malaysia